



SIARAN MEDIA

PROGRAM SERAHAN BEKAS MAKANAN BERTUTUP KEPADА PENGUNJUNG BAZAR RAMADAN

Bagi mengurangkan penggunaan plastik di kalangan pengunjung bazar Ramadan, satu program serahan bekas makanan bertutup telah diadakan oleh Majlis Perbandaran Selayang (MPS) pada 20 Mac 2024 di bazar Ramadan, Bandar Rawang.

Tujuan program ini diadakan adalah sebagai simbolik kepada pengunjung untuk mengurangkan penggunaan beg plastik di bazar Ramadan. Disamping itu, program ini juga dapat memberi kesedaran dan secara tidak langsung menggalakkan peniaga untuk tidak menggunakan beg plastik bagi membungkus makanan manakala pengunjung pula digalakkan membawa bekas makanan sendiri ke bazar Ramadan.

Edaran bekas makanan dan beg guna semula kepada pengunjung ini telah disampaikan oleh Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua MPS. Turut hadir Puan Alice Choo Foong Thye, Ahli Majlis Zon 15, Pengarah Jabatan Pelesenan, Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Kesihatan dan Pengarah Jabatan Penguatkuasa & Keselamatan.

Melalui program ini juga MPS turut mempromosikan Kempen “Jom Makan Sampai Habis” yang merupakan kempen untuk memberi kesedaran kepada masyarakat agar tidak melakukan pembaziran ketika berbelanja dan mengurangkan penghasilan sisa makanan.

#TAMAT#

Dikeluarkan Oleh:

Bahagian Perhubungan Awam
Jabatan Korporat

b.p. **Timbalan Yang Dipertua**
Majlis Perbandaran Selayang
21 Mac 2024